

GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UKM 2026

1.1. PENGENALAN

Geran Penyelidikan Jangka Pendek Persatuan Kakitangan Akademik UKM (PKAUKM) ditawarkan bagi memperkukuh pembangunan kerjaya serta kesejahteraan mental ahli akademik, selaras dengan prinsip Teras MADANI yang menekankan kemampunan, kesejahteraan, ihsan dan keadilan sosial. Inisiatif ini turut menyokong agenda Reformasi Pendidikan Tinggi dengan memberi fokus kepada pembentukan ekosistem akademik yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan. Sejalan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan Dan Institusi Yang Teguh), geran ini bertujuan mengenal pasti cabaran sistemik yang menjejaskan kemajuan kerjaya dan kesihatan mental ahli akademik. Hasil kajian berpotensi serta membangunkan intervensi berasaskan bukti yang mampan bagi meningkatkan produktiviti, kesejahteraan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi.

1.2. OBJEKTIF

Objektif geran ini adalah :

- a) Menenal pasti faktor sistemik dan individu yang mempengaruhi kemajuan kerjaya serta kesejahteraan mental ahli akademik di UKM melalui pendekatan penyelidikan berasaskan bukti.
- b) Merangka cadangan dasar dan pelan tindakan yang mampan bagi menyokong ekosistem akademik yang berdaya tahan, demi kelestarian institusi dan pembangunan kerjaya, serta pengukuhan kesejahteraan mental ahli akademik.

1.3. SKOP PENYELIDIKAN

1.3.1. Penyelidikan ini hendaklah berdasarkan kepada kajian kemajuan kerjaya dan kesihatan mental kakitangan akademik di UKM. Lokasi kajian adalah di Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur (Cheras dan Jalan Raja Muda).

1.3.2. Skop penyelidikan adalah seperti berikut:

SDG 3	Kesihatan Yang Baik Dan Kesejahteraan <i>Good Health And Well-Being</i>	Tema: <ul style="list-style-type: none"> • Faktor atau Intervensi Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Kakitangan Akademik UKM
SDG 8	Pekerjaan Yang Sesuai Dan Pertumbuhan Ekonomi <i>Decent Work And</i>	Tema: <ul style="list-style-type: none"> • Tahap Kepuasan dan beban Bekerja kakitangan akademik UKM • Polisi – Kajian semula Dasar Kemajuan Kerjaya (Kenaikan pangkat) kakitangan

	<i>Economic Growth</i>	akademik UKM Kesaksamaan, Kepelbagaian, Kemasukan dan Anti-Diskriminasi
SDG 16	Keamanan, Keadilan Dan Institusi Yang Teguh <i>Peace, Justice And Strong Institution</i>	Tema: <ul style="list-style-type: none"> • Kebebasan Akademik • Ketelusan proses naik pangkat

1.4. SYARAT PERMOHONAN

- a) Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif yang berdaftar sebagai ahli PKAUKM **KECUALI** kakitangan akademik yang:
- Bercuti sabbatical, bercuti pasca doktoral dan bercuti sangkutan (dalam dan luar negara) melebihi tempoh enam (6) bulan semasa tarikh tutup permohonan;
 - Bercuti belajar; dan
 - Dipinjamkan ke agensi luar.

Nota:

Kakitangan akademik aktif merangkumi Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Guru dan Felo Pengajar yang mempunyai kelayakan akademik sekurang- kurangnya Sarjana (Masters) dan Felo Penyelidik yang dibayar gaji (bukan honorarium) oleh Universiti.

- Bagi kakitangan akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama (warga UKM) bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.
- Peruntukan tidak melebihi RM 5,000 (Siling Peruntukan).
- Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli penyelidik UKM DAN Ketua Penyelidik adalah ahli PKAUKM. Penglibatan penyelidik bersama dari luar UKM HANYA seorang (1) dibenarkan.
- Hanya pegawai Pengurusan & Profesional (P&P) gred 9 dan ke atas yang kepakarannya berkaitan dengan bidang kajian sahaja boleh dilantik sebagai penyelidik bersama. (contoh: pakar HCTM UKM yang sesuai).
- Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja pada setiap fasa.

1.5. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangka masa projek adalah enam (6) bulan.

1.6. TATACARA PERMOHONAN

- 1.6.1. Pemohon perlu mengemukakan permohonan penyelidikan melalui email sazliyana@ukm.edu.my.
- 1.6.2. Permohonan perlu dikemukakan mengikut tarikh yang ditetapkan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.7. PERATURAN PERBELANJAAN

Geran akan didaftarkan kepada CRIM dan Bendahari UKM sebagai dana dalam.

Hanya vot yang berikut dibenarkan:

1.7.1 Vote 11000 (Upah dan Elaun

- i. Melantik Pembantu Penyelidik (RA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh CRIM.
- ii. Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan Pembantu Penyelidik (RA) adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

1.7.2. Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

- i. Perjalanan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara sahaja yang berkaitan dengan projek.
- ii. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.7.3. Vote 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi:

- Perkhidmatan percetakan,
- Honorarium, saguhati, kos mengadakan bengkel/mesyuarat,
- Perkhidmatan profesional, konsultasi,
- Yuran persidangan, yuran penerbitan,
- Bayaran pemprosesan data/analisis data/pencirian,
- Langganan perisian (lesen dilanggan dari pihak ketiga),
- Lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Nota:

Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau penyelidik bersama tidak dibenarkan.

1.8. HASIL PENYELIDIKAN

1.8.1. Laporan

- a) Hasil kajian berbentuk laporan hasil penyelidikan dan cadangan untuk menangani isu.
- b) Hasil kajian akan digunakan untuk yang dibangunkan perlu memperoleh kelulusan MPU UKM/Pengurusan tertinggi UKM.

1.8.2. Harta Intelek dan Hasil Pengkomersilan

Hasil kajian adalah milik PKAUKM. Penerbitan mengikut garis panduan sedia ada.

1.8.3. Modal Insan

Tiada.

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

2.1. PENILAIAN

- 2.1.1. Permohonan yang diterima akan disemak dan dinilai di peringkat EXCO PKAUKM.
- 2.1.2. Keputusan penilaian adalah muktamad.

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

3.1. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- 3.1.1. Keputusan permohonan dana ini akan dimaklumkan kepada pemohon melalui emel dan e-warga.
- 3.1.2. Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada Ketua Projek. Ketua Projek perlu mendaftar projek di SMPU CRIM untuk tujuan pengaktifan projek dan pengaktifan peruntukan projek dalam Sistem UFASt.
- 3.1.3. Sekiranya Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan tidak dikembalikan, status projek akan pasif dan penggunaan peruntukan ditangguhkan.

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1 LAPORAN KEMAJUAN

- a) Penghantaran laporan kemajuan penyelidikan pada bulan ke-3 kepada PKAUKM di email sazliyana@ukm.edu.my.
- b) Pembentangan laporan kemajuan penyelidikan secara lisan dijalankan pada bulan ke 6.

4.2 LAPORAN AKHIR

Laporan akhir perlu dihantar **dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh tamat** projek kepada PKAUKM.